



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>USUL FIQH</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI2103</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (10 Markah)
  - BAHAGIAN B (10 Markah)
  - BAHAGIAN C (30 Markah)
  - BAHAGIAN D (10 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN C** dan **SATU (1)** soalan dari **BAHAGIAN D**.
  - i. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab **BAHAGIAN B** di dalam Borang Jawapan Objektif
  - iii. Jawab **BAHAGIAN C** dan **D** di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Borang Jawapan Objektif
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

**Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul./ Salah**

1. Ilmu usul fiqh menjadikan Fiqh bersifat dinamik dan kontemporari.
2. Pembukuan Ilmu usul fiqh dimulakan oleh Imam Shafie.
3. Jika seseorang melihat dua pendapat ulama bertentangan dia boleh mengambil pendapat yang paling ringan dan bersesuaian.
4. Seorang ulama dalam memberikan hukum akan memilih hukum berpandukan istihsan untuk memberikan keringanan kepada umat.
5. Hadis mutawatir dianggap sebagai nas syarak yang paling kuat selepas Quran.
6. Dalil qat'ie adalah dalil yang tidak mempunyai dua atau lebih makna.
7. Di dalam Qiyas hukum yang diturunkan lebih awal tidak boleh diqiyaskan kepada hukum yang turun kemudian.
8. Transaksi moden kebiasaannya diharuskan oleh ulama jika terhindar dari mudharat berpandukan prinsip masalahah dan uruf.
9. Meninggalkan sesuatu hukum dan mengambil hukum yang lain dipanggil Istihsan.
10. Ijmak sukuti tidak diterima oleh seluruh ulama kerana ia bersifat zanni.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Ulama perbankan Islam dapat menggunakan ilmu Usul Fiqh untuk:
  - I. Mengetahui cara ulama menghasilkan hukum
  - II. Mengistinbat sendiri hukum dari al-Quran
  - III. Mengenali akad yang haram dan yang halal dalam transaksi perbankan
  - IV. Melakukan analisa terhadap sesuatu isu fiqh yang berlaku dalam masyarakat
  - A. I dan II
  - B. ii dan iii
  - C. ii, iii dan iv
  - D. Semua pilihan di atas
  
2. Kaedah yang digunakan oleh ulama Hanafiah dalam mengarang kitab usul fiqh adalah meliputi ciri berikut melainkan:
  - A. Mengubah suai kaedah Imam mereka jika bertentangan dengan nas
  - B. Tidak menuruti kaedah Imam mazhab mereka dalam mengistinbat hukum
  - C. Menggunakan logik akal untuk menyokong hujjah
  - D. Mengubah suai kaedah agar tidak bertentangan dengan ijtihad imam mazhab
  
3. Kitab Usul Fiqh yang dikarang oleh Imam A- Ghazali adalah
  - A. Al-Mustasfa
  - B. Usul Karkhi
  - C. Alusul alJassas
  - D. Ta'sis Nazar

4. Wanita boleh membaca al-Quran ketika haid berpandukan kepada dalil istihsan dengan
- A. Nas
  - B. Masalahah
  - C. Qiyas
  - D. Istishab
5. Uruf yang tidak boleh dijadikan sandaran hukum adalah
- A. Uruf yang bertentangan dengan syarak
  - B. Uruf yang diamalkan oleh majoriti ahli masyarakat
  - C. Uruf yang bersifat tekal dan berterusan
  - D. Uruf yang memberi manfaat kepada umat Islam
6. Definisi Sunnah boleh menepati kriteria berikut ;
- i. Ucapan dan perbuatan nabi
  - ii. Peristiwa yang dilalui oleh Rasulullah sebelum dan selepas kenabian
  - iii. Sunnah mutawatirah menduduki tempat kedua selepas Quran dari sudut wajib berpegang dengannya
  - iv. Ucapan nabi yang diterima sahabat selepas kewafatan nabi melalui mimpi
- A. I dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. I,ii dan iii
  - D. ii, iii dan iv
7. Pilih kenyataan yang salah tentang Istihsan
- A. Ia dikenali juga dengan nama qiyas khafiy
  - B. Boleh membaca al-Quran dalam keadaan berhaid bersandarkan istihsan
  - C. Sesuatu hukum yang diperolehi melalui istihsan akan bertentangan dengan hukum yang diperolehi melalui qiyas jaliy
  - D. Hukum yang di ketahui melalui istihsan berifat qat`ie

8. Hukum baru yang lebih kuat dari hukum asal dipanggil
- A. Qiyas aula
  - B. Qiyas musawi
  - C. Qiyas adna
  - D. Qiyas dilalah
9. Uruf boleh digunakan ketika ketiadaan nas syarak jika:
- A. Tidak bertentangan dengan prinsip syarak
  - B. Dilakukan oleh seluruh masyarakat
  - C. Telah diterima oleh masyarakat pelbagai kaum
  - D. Dapat membawa kepada kebaikan
10. Masalah yang diterima oleh syarak adalah
- A. Masalih mursalah
  - B. Masalih mulghah
  - C. Masalih mu`tabara
  - D. Masalih mumtahanah

(10 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab TIGA(3) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Jelaskan kefahaman anda tentang ilmu usul fiqh berpandukan hasil pembelajaran anda di dalam kuliah.

(2 markah)

b. Bandingkan perbezaan ketara antara kaedah yang digunakan oleh mazhab hanafi dan ulama mutakallimin dalam menyusun ilmu Usul Fiqh

(2 markah)

c. Jelaskan bagaimanakah ilmu usul fiqh dapat membantu anda memahami hukum fiqh yang telah ditetapkan oleh ulama terdahulu.

(3 markah)

d. Nyatakan TIGA(3) faedah mempelajari ilmu usul fiqh

(3 markah)

**SOALAN 2**

a. Berikan definisi al-Quran dari sudut bahasa dan istilah

(2 markah)

b. Apakah yang dimaksudkan dengan ayat muhkamat dan mutasyabihat dalam al-Quran

(2 markah)

c. Berikan satu contoh ayat muhkamat dan satu contoh ayat mutasyabihat di dalam al-Quran

(2 markah)

- d. Jelaskan **EMPAT(4)** tanda untuk mengenali ayat al-Quran yang menunjukkan kepada perintah wajib

(4 markah)

### SOALAN 3

- a. Berikan definisi Ijmak menurut bahasa dan istilah

(2 markah)

- b. Mengapakah ijmak hanya digunakan sebagai sumber perundangan Islam selepas kewafatan nabi?

(2 markah)

- c. Jika majoriti ulama telah bersepakat ( berijmak ) dalam satu isu fiqh bolehkah diterima pendapat dari seorang ulama yang bertentangan dengan pendapat yang telah disepakati .

(2 markah)

- d. Berikan hujjah yang dapat menolak pendapat golongan syiah yang menolak Ijmak

(2 markah)

- e. Jelaskan perbezaan antara ijmak sukuti dan ijmak sorih

(2 markah)

### SOALAN 4

- a. Jelaskan definisi masalih mursalah dari sisi bahasa dan istilah

(2 markah)

- b. Apakah **DUA(2)** persamaan antara masalih mursalah dan uruf

(2 markah)



- c. Kenalpasti **TIGA (3)** kriteria yang menyebabkan sesuatu masalah itu tidak boleh diterima sebagai sumber hukum

(3 markah)

- d. Jelaskan perbezaan antara jenis-jenis masalah
- i. Masalah mursalah : tidak disebut di dalam nas
  - ii. Masalah mu'tabarah
  - iii. Masalah mulghah

(3 markah)

### SOALAN 5

- a. Jelaskan sebab perbezaan pendapat Imam Shafie dan majoriti ulama yang lain tentang istihsan

(2 markah)

- b. Berikan dalil penerimaan istihsan sebagai sumber hukum dalam Islam

(2 markah)

- c. Berikan contoh bagi jenis – jenis istihsan berikut:

- i. istihsan dengan nas
- ii. istihsan dengan masalah
- iii. istihsan dengan darurat.

(3 markah)

- d. Kenalpasti jenis istihsan yang boleh digunakan bagi isu berikut :

- i. Pemberian bahagian zakat kepada non muslim yang tidak berkemampuan dari segi kewangan.
- ii. Menerima buah pinggang yang didemakan oleh non muslim.
- iii. Menerima sumbangan dari syarikat berhad yang mendapat keuntungan dari hasil perjudian.

(3 markah)

**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SATU (1) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan

**SOALAN 1**

Huraikan bagaimana ilmu Usul Fiqh dapat membantu sarjana Perbankan Islam menyesuaikan produk perbankan moden dengan Syariat Islam.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan sejarah perkembangan Usul Fiqh dari zaman Rasulullah hingga pembukuannya di zaman Imam Shafie

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**